

16 AUG 2000

Ong-Merdeka

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN BANGKITKAN SEMANGAT PATRIOTIK

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Sambutan bulan Kemerdekaan yang bermula esok menjadi titik tolak dalam membangkitkan semangat patriotisme di kalangan rakyat, kata Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Ong Tee Kiat hari ini.

Beliau berkata sambutan selama sebulan itu, yang julung-julung kali diadakan, juga sebagai tanda penghargaan kepada kemakmuran negara yang telah dikecapi selama 43 tahun merdeka.

"Kita mahu rakyat tidak kira agama, bangsa, dan fahaman politik bersama-sama menyambut hari kemerdekaan ke-43," katanya pada sidang media selepas menyerahkan bendera kebangsaan Jalur Gemilang kepada wakil media, persatuan belia dan agensi kerajaan di kementerian itu hari ini.

Ong meminta semua lapisan masyarakat mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang sambutan bulan Kemerdekaan yang diadakan sehingga 16 Sept depan.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan melancarkan sambutan Bulan Kemerdekaan itu di Dataran Merdeka esok.

Majlis itu akan diserikan dengan nyanyian lagu "Kerlanamu Malaysia" dan "Jalur Gemilang".

Ong juga menggesa wakil-wakil rakyat mengadakan pelbagai aktiviti di kawasan masing-masing untuk memeriahkan acara sambutan hari kemerdekaan ke-43 itu.

-- BERNAMA

JAI AZZ RI